

TAWARAN HARGA**SEBUTHARGA BIL. 6/2022****PERKHIDMATAN PENAKSIRAN PERCUKAIAN TAHUN 2010 HINGGA TAHUN 2021**

| NO. | SKOP KERJA DARI SME CORP. MALAYSIA | TAWARAN HARGA (RM) |
|-----|--|--------------------|
| 1. | <p>PENGURUSAN PERKHIDMATAN</p> <p>1.1 Bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dan menyelaras secara keseluruhan percukaian seperti berikut :</p> <p>1.1.1 Memastikan sumber tenaga yang mencukupi dan profesional untuk bertugas ; dan</p> <p>1.1.2 Berpengalaman dalam urusan dalam penyediaan dokumen-dokumen yang berkaitan.</p> | |
| 2. | <p>MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN PERCUKAIAN</p> <p>2.1 Bertanggungjawab untuk menyediakan borang cukai C1 dan mengemukakan penyata cukai bagi pihak Perbadanan secara tahunan mengikut tahun taksiran dari tahun 2010 sehingga 2021 termasuk penyediaan dan penyiapan perkara berikut :</p> <p>a. Pengiraan Cukai</p> <p>b. Lampiran atau Jadual Sokongan ; dan</p> <p>c. Lembaran Kerja</p> <p>2.2 Bertanggungjawab untuk penyerahan Borang Cukai (C1) untuk suatu tahun taksiran dan atas permintaan Perbadanan, untuk memohon kredit cukai ditolak daripada bayaran ansuran atau bayaran ansuran separa untuk tahun taksiran berikutnya atau berhubung dengan LHDN untuk kelulusan.</p> <p>2.3 Bertanggungjawab untuk menyedia dan mengemukakan Borang CP 204 dan Borang CP 204A (jika perlu) bagi tahun taksiran 2022.</p> <p>2.4 Bertanggungjawab untuk membuat rayuan dan susulan kepada pihak LHDN berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan sehingga selesai.</p> | |

| NO. | SKOP KERJA DARI SME CORP. MALAYSIA | TAWARAN HARGA (RM) |
|-----|---|--------------------|
| | <p>2.5 Bertanggungjawab untuk lain-lain perkhidmatan seperti berikut :</p> <p>2.5.1 Pengumpulan dokumen ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk tujuan penaksiran.</p> <p>2.5.2 Menyediakan dan mengemukakan permohonan untuk insentif cukai kepada pihak berkuasa cukai, jika perlu.</p> <p>2.5.3 Mendapatkan persetujuan atau pengesahan daripada Perbadanan sebelum mengemukakan sebarang penaksiran kepada LHDN.</p> <p>2.5.4 Menghadiri sebagai wakil Perbadanan bagi menjawab isu-isu percukaian yang dibangkitkan oleh LHDN.</p> <p>2.5.5 Mendapatkan persetujuan daripada pihak LHDN berhubung dengan liabiliti cukai untuk tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya.</p> <p>2.5.6 Permohonan mendapatkan lebihan bayaran cukai.</p> <p>2.5.7 Memberi peringatan dan nasihat mengenai cukai Perbadanan dari masa ke semasa.</p> <p>2.5.8 Menyedia dan mengemukakan Penyata Majikan (Borang E).</p> <p>2.5.9 Lain-lain perkhidmatan yang dipersetujui bersama.</p> | |
| 3 | <p>HAL-HAL LUAR JANGKA</p> <p>Bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa.</p> | |

(SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAKAN (✓ / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)

NOTA PENTING :

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. Yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh program. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.
3. Penyebutharga perlu bekerjasama dengan semua pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia sepanjang Perkhidmatan Percukaian berlangsung.

** sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi*

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 6/2022.

.....
Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :